

Hubungi Pusat Khidmat Pelanggan:

1-800-88-6982



NOTIS PENUTUPAN SEMENTARA

Kepada Pelanggan-pelanggan SAINS yang dihormati,

PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN AIR DI SEBAHAGIAN KAWASAN SEREMBAN BERIKUTAN KERJA-KERJA PENCUCIAN TANGKI MENDAPAN DI LOJI RAWATAN AIR (LRA) PANTAI DAN KERJA-KERJA PEMASANGAN “ELECTROMAGNETIC FLOWMETER” RUMAH PAM & KOLAM MENARA DI KOMPLEKS PENDIDIKAN ENSTEK PADA 23 MAC 2021

Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) ingin memaklumkan kepada semua pelanggan kami bahawa SAINS akan melaksanakan penutupan sementara bekalan air yang dijangka akan mengakibatkan gangguan bagi beberapa kawasan di Seremban seperti yang dinyatakan di bawah. Maklumat penutupan adalah seperti berikut:

Tarikh : 23 Mac 2021 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi (23 Mac 2021) – 8.00 pagi (24 Mac 2021)

Maklumat kerja	Kawasan terlibat	Langkah Kontigensi
<p><u>Lokasi:</u> Loji Rawatan Air (LRA) Pantai</p> <p><u>Jenis Kerja:</u> Kerja-kerja Pencucian & Penyelenggaraan Tangki Mendapan Fasa 1</p>	<p>Sebahagian Daerah Seremban: Seluruh kawasan Pantai dari Bt. 6 sehingga Bt. 10 termasuk Kuarters Sg. Terip, Pejabat Veterina., Dewan NSWOLake Garden, Kg. Bukit Merbah, Kg. Merbah Indah, Tmn. Cermai Impian, Kem Tentera Sikamat, SHAMS, Tmn. England Garden, SASER, Tmn. Penaga, Tmn. Bukit Penaga, Tmn. Coral, Tmn. Seri Inai, Tmn. Sikamat Utama, Tmn. Nibong, Tmn. Akasia, Tmn. Seri Pandan, Tmn. Ampangan Jaya, Tmn. Seremban Putera, Kg. Wong Sin Chow, Kg. Baru Sikamat, Rumah Rakyat Sikamat, Pulau Impian, Pulau 1 & Pulau 3, Tmn. Temiang Jaya, Tmn. Sarimban, Tmn. Indah, Tmn. Rashibah, Tmn. Suliana, Tmn. Pewira, Tmn. Desa Permai Sikamat dan sekitar.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Penghantaran lori tangki• Penempatan tangki statik <p><i>Akan dilaksanakan sekiranya gangguan melebihi 24 jam (selepas tempoh penutupan)</i></p>
<p><u>Lokasi:</u> Kompleks Pendidikan Enstek</p> <p><u>Jenis Kerja:</u> Kerja-kerja Pemasangan 2 Unit “Electromagnetic Flowmeter” Rumah Pam & Kolam Menara</p>	<p>Sebahagian Daerah Seremban: Seluruh kawasan Kg. Jijan, Kg. LBJ dan Bandar Pendidikan Enstek Nilai.</p>	

Bekalan air akan disambungkan semula selepas waktu yang dinyatakan dan dijangka pulih secara berperingkat. Walaubagaimanapun, beberapa kawasan tinggi dijangka akan mengalami tempoh pembaikan yang lebih lama. Untuk makluman, kerja-kerja ini merupakan antara usaha berterusan SAINS dalam menambah baik dan meningkatkan mutu bekalan air demi kepentingan para pelanggan pada masa hadapan.

Para pelanggan yang memerlukan bantuan boleh menghubungi kami dialian bebas tol **1-800-88-6982** untuk mendapatkan sebarang bantuan lanjut.

Hajah Norzita Binti Ismail
Ketua Bahagian Perhubungan Awam
Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd.